

Platform selamat buat pekerja bebas


Kuala Lumpur: Aplikasi mudah alih, Gigworks menawarkan platform selamat untuk pekerja bebas (*freelancer*) bagi menangani masalah penipuan.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Glenn Tay berkata, pekerja jenis ini sering diperdaya untuk bekerja secara percuma dengan janji ganjaran menarik.

Katanya, untuk memastikan kedua-dua pihak mematuhi perjanjian, Gigworks menetapkan polisi perlindungan yang mana pembayaran hanya dibuat selepas selesainya kerja.

“Senarai pekerjaan yang tidak lengkap sering kelihatan tanpa sebarang tanda amaran.

“Sebilangan besar pekerja ini dilihat sudah banyak tertipu, terutamanya mereka



yang tidak berpengalaman dalam industri ini.

“Walaupun ramai yang mungkin tertarik dengan pekerjaan bebas, ia penting untuk berwaspada terhadap penipuan yang terkait de-

ngan pekerjaan jenis ini,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, penerimaan pembayaran yang tepat pada masa dan cepat adalah salah satu daripada bebe-

rapa cabaran yang dihadapi oleh pekerja bebas.

Katanya, disebabkan pekerja bebas tidak semestinya bersua muka bersama pelanggan atau majikan mereka.